

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TINGKAH LAKU MENABUNG GENERASI BELIA

FACTORS AFFECTING SAVING BEHAVIOUR OF YOUNG GENERATION

Hallieyana Sha'ari¹
Nur Atikah Rosli²

¹Jabatan Muamalat & Teknologi Maklumat, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: hallieyana@kias.edu.my)

²Jabatan Muamalat & Teknologi Maklumat, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia,
(E-mail: nuratikahrosli2902@gmail.com)

Article history

Received date : 11-9-2024
Revised date : 13-9-2024
Accepted date : 2-10-2024
Published date : 19-12-2024

To cite this document:

Sha'ari, H., & Rosli, N. A. (2024). Faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung generasi belia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 123-131.

Abstrak: *Kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung dalam kalangan generasi belia. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2023 data menunjukkan statistik Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan meningkat sehingga akhir suku tahun 2024. Sikap menabung merupakan amalan mulia yang patut diterapkan dalam setiap diri individu. Ilmu kewangan juga penting yang mana ia menyuntik sedikit sebanyak sifat cenderung kepada menabung sekiranya individu tersebut celik kewangan. Tambahan pula, dunia masa kini memerlukan kewangan dari segala perkara. Literasi kewangan, kawalan diri dan pengaruh ibu bapa merupakan faktor pendorong yang menyumbang kepada tingkah laku menabung generasi belia.*

Kata kunci: *Sikap Menabung, Literasi Kewangan, Kawalan Diri dan Pengaruh Ibubapa*

Abstract: *The purpose of this study was to investigate the factors that shape the saving behaviour of the younger generation. According to the Department of Statistics Malaysia, 2023 data shows that Gross Domestic Product (GDP) statistics will increase until the end of the quarter of 2024. The attitude of saving is a noble practice that should be applied to every individual. Financial knowledge is also important, which instills a certain amount of tendency to save if the individual is financially literate. Furthermore, today's world needs finance for all things. Financial literacy, self-control, and parental influence are driving factors that contribute to the saving behaviour of the youth generation.*

Keywords: *Saving Behaviour, Financial Literacy, Self-Control, and Parental Influence*

Pendahuluan

Sikap menabung merujuk kepada pandangan atau kecenderungan seseorang terhadap aktiviti menyimpan wang atau sumber kewangan lain untuk kegunaan masa hadapan. Ini merangkumi keyakinan, nilai dan tingkah laku yang berkaitan dengan amalan menabung seperti komited untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan, berdisiplin dalam pengurusan kewangan dan memahami betapa pentingnya merancang dengan baik keperluan kewangan masa depan. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh pihak Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), sebanyak 55% rakyat Malaysia mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000 untuk digunakan sewaktu kecemasan (PIDM, 2024).

Di Malaysia, generasi belia pada hari ini menjadi semakin cuai dengan tabiat berbelanja malah mereka juga kurang menghargai wang berbanding dengan generasi tua (Jamal Mohammed Esmail Akekam et al., 2018). Hal ini kerana generasi belia menghadapi perubahan dalam gaya hidup dan trend perbelanjaan disebabkan taraf hidup negara telah meningkat dengan ketara. Menurut Faoziah Haji Idirs et al., (2013), generasi belia hari ini mempunyai pandangan jangka pendek serta terlindung daripada cabaran dunia sebenar. Keadaan trend ini menimbulkan kebimbangan kerana ia menghalang golongan belia daripada memahami keadaan sebenar mengenai kepentingan mempunyai tabungan kewangan yang stabil pada hari tua kelak.

Kegagalan menguruskan kewangan yang baik serta mempunyai tabungan kewangan yang stabil telah membawa kepada pelbagai isu seperti muflis akibat perbelanjaan yang berlebihan. Hal ini kerana aktiviti berhutang pada masa kini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat (Nurul Anis Nabihah et al., 2022). Keadaan sebegini mendorong kepada peningkatan isu muflis dalam golongan belia. Menurut Azmi et al., (2019), seseorang dianggap muflis jika mereka tidak dapat menjelaskan hutang mereka apabila ia telah sampai tempoh matang kerana hutang yang ditanggung mereka adalah lebih besar daripada harta yang mereka miliki.

Di dalam kajian Shafinar Ismail et al., (2020), tinjauan yang dijalankan di Malaysia pada tahun 2019 mendapati bahawa 35% responden yang menyimpan atau menabung adalah kurang daripada RM 500 sebulan. Kadar simpanan Malaysia telah menurun dalam beberapa tahun ini di mana simpanan generasi terdahulu lebih banyak berbanding generasi sekarang disebabkan rakyat Malaysia kurang menabung (Shafinar Ismail et al., 2020).

Namun sejauh manakah generasi belia pada hari ini mengetahui akan kepentingan tabungan dan apakah faktor yang mempengaruhi mereka dalam mempunyai tabungan yang boleh membantu mereka mengendalikan kewangan mereka pada masa hadapan?

Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan mengenai faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung dalam kalangan generasi belia. Kertas kerja ini memfokuskan perbincangan berkaitan tiga (3) faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung iaitu literasi kewangan, kawalan diri dan pengaruh ibubapa.

Sorotan Literatur

Dalam penyelidikan moden, kajian mengenai kewangan belia semakin mendapat perhatian, terutamanya kerana pengetahuan ini penting untuk membentuk tingkah laku kewangan yang lebih bertanggungjawab. Didapati bahawa kawalan sendiri juga berfungsi sebagai penghubung antara pengetahuan kewangan yang positif. Malah, pengaruh ibu bapa adalah satu lagi faktor penting yang mempengaruhi cara anak-anak berurusan dengan wang mereka. Kajian ini,

menggabungkan elemen literasi kewangan, kawalan sendiri dan pengaruh ibu bapa, memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang unsur-unsur yang mempengaruhi tingkah laku belia.

Rusliza Yahaya et al. (2023) memberi tumpuan kepada hubungan antara literasi kewangan, pengaruh ibu bapa dan kawalan diri dalam membentuk sikap menabung dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar ijazah sarjana muda daripada sembilan (9) fakulti di sebuah universiti awam di Semenanjung Malaysia, dengan populasi seramai 17,664 pelajar. Ditemui bahawa pelajar ijazah sarjana muda ini mempunyai tahap literasi kewangan, kawalan diri, pengaruh ibu bapa, dan sikap menabung yang tinggi. Sikap menabung didapati mempunyai korelasi yang signifikan dengan pemboleh ubah bebas yang dikaji.

Selain itu, kajian oleh Uma Thevi Munikrishnan et al. (2023) melaporkan perspektif berbeza mengenai bagaimana literasi kewangan membantu pelajar di peringkat universiti dalam tabiat menabung di Malaysia. Kajian ini melibatkan pelajar dari universiti awam dan swasta, dengan pemboleh ubah bersandar yang merangkumi literasi kewangan, norma subjektif, kawalan tingkah laku, sikap kewangan dan kawalan diri. Hasil kajian menunjukkan bahawa literasi kewangan mempunyai korelasi terbesar dengan niat menabung, yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku menabung pelajar universiti.

Muhammad Rafiq Dan & Low Kah Choon (2020) menjalankan kajian mengenai kesan literasi kewangan terhadap tingkah laku kewangan pelajar universiti dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melibatkan sampel seramai 305 responden. Kajian ini meneliti bagaimana pelajar universiti mengurus kewangan mereka. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara literasi kewangan dan tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar universiti.

Pada masa yang sama, kajian oleh Nurul Liyana Hussin & Liyana Syazwina Rosli (2019) bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi literasi kewangan pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Kajian ini menggunakan pemboleh ubah bebas seperti pendidikan kewangan, sikap terhadap wang, dan pengaruh ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor tersebut berkait rapat dan mempengaruhi literasi kewangan pelajar di KUIM, dengan pendidikan kewangan didapati sebagai faktor paling signifikan dalam mempengaruhi tahap literasi kewangan pelajar.

Sementara itu, dalam kajian Yasmin Huzaimah Aladdin & Anuar Ahmad (2017), objektif kajian adalah untuk membandingkan perbezaan jantina dan literasi kewangan pelajar serta bagaimana tahap pendidikan mereka berkaitan dengan tahap literasi kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa jantina bukan penentu signifikan terhadap tahap literasi kewangan pelajar. Selain itu, analisis regresi menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara tahap pendidikan dengan literasi kewangan, yang menunjukkan bahawa tahap pendidikan seseorang tidak secara langsung menentukan tahap literasi kewangan pelajar.

Rozita Baba et al., (2022) menjalankan kajian untuk menentukan tahap literasi kewangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), serta masalah kewangan dan tekanan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa tekanan akademik pelajar dipengaruhi oleh literasi kewangan mereka, tetapi masalah kewangan tidak.

Definisi Tabungan

Tabungan atau simpanan merujuk kepada proses menyimpan sebahagian daripada pendapatan atau dana yang dimiliki oleh seseorang atau sesebuah keluarga untuk tujuan yang akan datang. Seseorang penabung boleh menabung di bank, koperasi atau institusi kewangan lain. Tabungan kebiasaannya dibuat bertujuan memenuhi keperluan kewangan masa depan, merancang persaraan, membiayai pendidikan atau membuat cadangan untuk dana kecemasan.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2024), simpanan merujuk kepada sesuatu yang disimpan seperti wang, barang makanan dan sebagainya di mana wang atau barang yang disimpan itu akan digunakan apabila diperlukan kelak. Manakala, tabungan pula didefinisikan sebagai tempat menabungkan wang atau wang yang disimpan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2024).

Menurut Nik Zatul-Iffah & Ruhizan (2021), simpanan merupakan komponen yang paling penting dalam kehidupan ekonomi seseorang individu kerana simpanan penting untuk mencapai kebebasan kewangan serta mengumpul kekayaan. Menurut Aisyah dan Munawwarah (2016), simpanan didefinisikan sebagai sebahagian daripada pendapatan individu yang tidak dibelanjakan, di mana simpanan memainkan peranan yang sangat penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Menurut Yasmin Huzaimah & Anuar Ahmad (2017), simpanan merupakan aset yang sangat penting bagi setiap individu kerana ia boleh digunakan semasa kecemasan atau selepas persaraan. Mereka yang mempunyai tahap kewangan yang tinggi akan mempunyai akaun simpanan kerana mereka tahu cara mengurus kewangan peribadi mereka.

Metodologi

Tesis, artikel jurnal dan prosiding penyelidikan terdahulu digunakan sebagai sumber rujukan utama dalam kajian kepustakaan ini, yang menggunakan pendekatan kualitatif. Sumber-sumber ini dipilih kerana ia berkaitan dengan subjek kajian, terutamanya tingkah laku menabung, pengurusan kewangan dan literasi kewangan.


Untuk mengenal pasti trend dan corak utama dalam tingkah laku kewangan, kajian terdahulu dan semasa telah dikaji secara menyeluruh. Selain itu, telah digariskan komponen yang mempengaruhi pengetahuan kewangan yang dimiliki oleh populasi dikaji. Ini membolehkan kajian ini mencapai matlamatnya, iaitu untuk memahami bagaimana literasi kewangan dan tingkah laku tabungan, terutamanya dalam kalangan belia, berkaitan.

Kajian ini bermula dengan menentukan topik dan skop penyelidikan. Selepas itu, komponen penting dalam pengurusan kewangan dan literasi kewangan dikenal pasti dan diterokai secara menyeluruh. Selepas itu, perbincangan diteruskan dengan menilai keputusan daripada sumber rujukan sebelumnya dan membincangkan cara penyelidikan semasa boleh digunakan. Akhirnya, kajian ini menghasilkan kesimpulan yang menjelaskan kesan kajian terhadap literasi kewangan dan tabiat menabung. Ia juga mencadangkan kajian tambahan untuk memenuhi kekurangan dalam literatur yang ada.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Menabung

Berikut adalah kerangka konsep berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung dalam kalangan generasi belia.

Jadual 1: Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku menabung



1. Literasi Kewangan

Menurut pandangan Aisyah Abdul Rahman dan Munawwarah Ibrahim (2016), pendidikan dan pengetahuan kewangan secara asasnya menentukan literasi kewangan. Pendidikan kewangan boleh meningkatkan pengetahuan kewangan seseorang individu dan mempengaruhi cara mereka menggunakan wang dengan lebih cekap berbanding dengan mereka yang kurang pendidikan akan lebih cenderung untuk membuat keputusan yang tidak bijak. Dalam kajian Noor Aziziah et al. (2013) yang dirujuk oleh Aisyah Abdul Rahman dan Munawwarah Ibrahim (2016), merumuskan bahawa pelajar yang mengambil jurusan pengajian bidang perniagaan lebih terdedah kepada kewangan berbanding dengan pelajar jurusan lain. Dalam konteks pengetahuan Aisyah Abdul Rahman dan Munawwarah Ibrahim (2016) menyatakan bahawa pelajar yang memahami kewangan lebih cenderung untuk berbelanja dengan lebih baik dan menabung untuk masa hadapan.

Secara ringkasnya, literasi kewangan ialah pengetahuan dan pemahaman seseorang berkaitan pelbagai aspek kewangan yang boleh membantu mereka dalam menguruskan hutang, pelaburan, wang dan kewangan peribadi mereka (Mohd Rahim Khamis, 2021). Menurut Majalah Labur (2022), literasi kewangan boleh membantu seseorang membuat keputusan kewangan yang bijak pada setiap peringkat hidup. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan kewangan penting bukan hanya kepada sebahagian masyarakat tertentu malah untuk setiap peringkat kehidupan masyarakat.

Menurut Rozita, Nur Zafirah & Juwairiah (2022), belia merupakan golongan yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kewangan. Oleh kerana majoriti belia telah diisytiharkan bankrap, adalah penting untuk memberi mereka pendidikan yang lebih mendalam tentang ilmu kewangan. Pengurusan kewangan penting pada masa kini kerana masyarakat perlu belajar serta beradaptasi dengan senario semasa (Mohd Rahim Khamis, 2021).

Menurut pandangan Mohd Rahim Khamis (2021), pengurusan kewangan penting dalam membantu masyarakat mengetahui dan mengenal pasti keperluan dan kehendak kerana kedua-dua aspek ini sentiasa berubah berdasarkan situasi dan keadaan semasa seperti kecemasan, persaraan, pendidikan, perlindungan dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan pengurusan kewangan boleh membantu seseorang menguruskan dengan lebih baik wang mereka.

Dalam situasi ekonomi yang tidak menentu, pengurusan kewangan adalah sangat penting untuk meningkatkan kualiti hidup dan meneruskan kehidupan. Setiap orang mengendalikan wang mereka dengan cara yang berbeza mengikut kesesuaian masing-masing (Rozita, Nur Zafirah & Juwairiah, 2022). Menurut Ahlam Mohd Kamel & Sheerad Sahid (2021), individu yang mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang baik tentang kewangan iaitu literasi kewangan boleh dibentuk melalui celik kewangan, sosialisasi kewangan dan sikap tentang kewangan.

Orang yang sangat pandai tentang kewangan lebih cenderung untuk merancang bajet dan merekod perbelanjaan mereka supaya tidak berbelanja melebihi pendapatan mereka (Nurul Liyana & Liyana Syazwina, 2019). Seseorang individu yang mempunyai literasi kewangan mampu membantu mereka dalam menguruskan kewangan mereka kelak sekaligus dapat mengurangi isu berkaitan kebangkrutan yang banyak dihadapi golongan belia. Golongan belia terutama pelajar perlu diberi pendedahan awal berkenaan literasi kewangan dan sebaiknya bermula seawal usia agar mereka bersiap sedia dalam mendepani kehidupan sebenar apabila memasuki alam pekerjaan.

2. Kawalan Diri

Kawalan diri merupakan kemampuan seseorang individu untuk mengawal emosi dan keinginan mereka. Ini adalah komponen penting dalam menjelaskan tingkah laku menabung (Aisyah dan Munawwarah, 2016). Menurut pandangan Ruzliza Yahaya et al., (2023), kawalan sendiri adalah keupayaan seseorang untuk mengendalikan pilihan dan tindakan mereka dengan cara yang berkesan untuk mengelakkan hasil yang tidak dijangka.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Esenvalde (2010) mendapati bahawa kawalan diri mempengaruhi perbelanjaan menabung seseorang individu dan pengkaji berpendapat bahawa kawalan diri merupakan komponen yang sangat penting untuk menjelaskan tingkah laku menabung mereka.

Menurut Aisyah dan Munawwarah (2016), kajian oleh Lim, Sia dan Gan pada tahun 2011 di sekitar Lembah Klang ke atas responden yang berumur 21 tahun ke atas mendapati bahawa wujudnya hubungan positif di antara kawalan diri dengan sikap menabung. Pengkaji mendapati mereka yang mempunyai pengurusan kewangan yang baik atau keupayaan untuk mengawal perbelanjaan mereka sendiri lebih cenderung untuk menabung.

Kamis et al. (2021) juga ada membincangkan sikap terhadap wang dan faktor sosio-demografi yang berkaitan dengan tingkah laku perbelanjaan individu. Kajian tersebut menjelaskan bagaimana faktor-faktor tertentu termasuk umur, jantina, latar belakang keluarga, atau persepsi individu terhadap wang, berkait dengan tingkah laku perbelanjaan individu.

Kajian Abdullah et al. (2023) pula mendapati bahawa tahap kawalan sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk mengamalkan tabiat menabung. Oleh yang demikian, kawalan diri dianggap komponen penting yang membantu meningkatkan kesan literasi kewangan terhadap cara belia menabung.

Secara rumusannya, kawalan sendiri adalah keupayaan dan kemampuan seseorang individu dalam pengurusan kewangan untuk mengawal perbelanjaan mereka, membuat pilihan yang bijak mengenai wang mereka, dan mengendalikan sumber kewangan mereka dengan cara yang cekap serta bijak. Kawalan sendiri adalah sangat penting untuk pengetahuan kewangan kerana

tanpanya, walaupun seseorang individu itu mengetahui banyak tentang kewangan, sukar untuk mereka mengurus dan merancang masa depan kewangan mereka dengan baik.

3. Pengaruh Ibu Bapa

Ibu bapa merupakan insan yang terpenting untuk anak-anak mereka dan ibu bapa mempunyai kesan ke atas perkembangan akademik, emosi dan sosial anak-anak mereka. Ibu bapa bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak mereka cara berkelakuan dan bersikap baik dalam segala aspek kehidupan seperti cara menguruskan wang (Aisyah Abdul Rahman dan Munawwarah Ibrahim, 2016). Aza Azlina et al. (2020), ibu bapa adalah guru pertama bagi anak-anak mereka kerana ibu bapa adalah keluarga yang menjadi tunjang dan komponen penting dalam mempengaruhi persekitaran perkembangan setiap individu.

Menurut Aisyah Abdul Rahman dan Munawwarah Ibrahim (2016), pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa mempengaruhi sikap menabung secara positif. Apabila anak-anak telah memasuki alam universiti, mereka harus bertanggungjawab untuk perbelanjaan mereka sendiri tanpa bantuan ibu bapa (Rusliza Yahaya et al., 2023). Oleh itu, ibu bapa harus mengingatkan anak-anak mereka untuk sentiasa berjimat cermat dan menyimpan wang terutamanya semasa mereka masih kecil. Anak-anak yang pandai menguruskan wang adalah kerana mereka mengikuti jejak ibu bapa mereka (Nurul Liyana & Liyana Syazwina, 2019).

Menurut pandangan Nik Zatul-Iffah & Ruhizan (2021), ibu bapa memberi kesan positif terhadap perkembangan anak-anak mereka, terutamanya dalam bidang literasi kewangan kerana mereka memainkan peranan penting dalam pendidikan awal mereka. Ibu bapa yang berpendidikan yang tinggi dapat mempengaruhi sikap dan cara anak-anak mereka menabung (Aza Azlina et al., 2020). Seseorang yang lebih berpendidikan mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih baik berbanding individu yang tidak berpendidikan (Stephanie, Dewi & Mariana, 2022).

Menurut kajian Nurul Liyana & Liyana Syazwina (2019), ibu bapa adalah orang yang paling dekat dengan anak-anak mereka dan sering memberi nasihat tentang perkara seperti simpanan, hutang dan cara membelanjakan wang. Bagi ibu bapa yang tinggal di pedalaman, mereka tidak menumpukan perhatian kepada aspek pendidikan anak-anak mereka malah mereka sendiri tidak berpendidikan untuk membantu mengajar dan mempengaruhi tahap literasi kewangan anak-anak mereka (Sheeril Hing Mei Lyn & Sheerad Sahid, 2021).

Perbincangan dan Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa semakin ramai golongan belia pada hari ini mengalami muflis atau kebangkrutan adalah disebabkan komitmen dan beban tanggungan hutang yang amat serius. Masih ramai lagi masyarakat kita terutama golongan belia tidak mendapat pendedahan yang secukupnya berkenaan pendidikan dan pengetahuan pengurusan kewangan secara formal di Malaysia.

Faktor literasi kewangan adalah faktor yang sangat penting kepada semua masyarakat khususnya golongan belia kerana dengan kemahiran literasi kewangan yang baik dan cekap dapat membantu golongan belia membuat keputusan kewangan dengan bijak serta mengubah taraf hidup ke arah yang lebih baik dan bebas belunggu hutang menjelang waktu persaraan kelak.

Bagi faktor pengaruh ibu bapa pula, faktor ini sememangnya membantu anak-anak mereka berkembang terutamanya dalam akademik, sosial, dan literasi kewangan. Ibu bapa adalah guru pertama dan pemimpin dalam pengurusan kewangan. Sikap anak-anak terhadap menabung dan pengurusan kewangan dipengaruhi oleh ibu bapa yang berpendidikan tinggi secara positif. Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa pendidikan awal ibu bapa mempunyai kesan yang ketara terhadap cara anak-anak mempunyai tabiat kewangan yang bijak.

Rujukan

- Abdullah. S., Karim. N. A., & Nordin. Z. (2023). Digital Finance and Its Impact on Youth Saving Habit in Malaysia. *Journal of Financial Innovation*. 5(1), 33-45.
- Aisyah. A. R., & Munawwarah. I. (2016). Faktor Penentu Sikap Menabung Bagi Mahasiswa Universiti. *Jurnal Muamalat*. Bil. 9. ISSN: 1985-6156.
- Ahlam. M. K., & Sheerad. S. (2021). Financial Literacy and Financial Behaviour of University Students in Malaysia. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*. Vol. 12. Issue 9. 1208-1220.
- Aza Azlina. M. K., Fazilah. T., Zainal Azhar. Z. A., Juliza. M., & Hairin Nisa. M. N. (2020). Students' Saving Behaviour: Do Demographic Profile, Parents' Background and Financial Literacy Matter? An Empirical Study in Private Universities in Selangor. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*. Vol. 24. Issue 01, 2020. ISSN: 1475-7192.
- Faoziah. H. I., K. Sarojani. D. K., & Norfiza. A. (2013). Relationship Between Financial Literacy and Financial Distress Among Youth in Malaysia: An Empirical Study. *GEOGRAFIA Online. Malaysia Journal of Society and Space*. 9 Issue 4 (106-117). ISSN: 2180-2491.
- Kamis. J. A. M. I. L. A. H., Samad. N. A., Pheng. L. S., Rosli. S., Hajali. S. H. M., & Peing. S. E. F. (2021). Money Attitude and Socio-Demographic Factors as Determinants of University Students' Spending Behavior in Shah Alam, Malaysia. *Jurnal Ilmiah Akuntansi Universitas Pamulang*, 9(1), 65-77.
- Laman Web Rasmi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Dipetik pada 31 Mac 2024 di: <https://www.pidm.gov.my/en/info-centre/reports-and-insights/savings-report>
- Laman Web Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dipetik pada 23 Mei 2024 di: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=simpanan>
- Laman Web Rasmi Majalah Labur. Dipetik pada 31 Julai 2024 di: <https://www.majalahlabur.com/kewangan/literasi-kewangan-pendidikan-sepanjang-hayat/>
- Mohd Rahim. K. (2021). Literasi Kewangan Didik Bijak Berbelanja. *BH Online*. Dipetik pada 31 Julai 2024 di: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/11/883860/literasi-kewangan-didik-bijak-berbelanja>
- Muhammad Rafiq., & Low. K. C. (2020). Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti. *The International Seminar in Regional Politics, Administration and Development 2020. (INSORPAD2020)*. STISIPOL Raja Haji, Riau, Indonesia. 14-15 October 2020.
- Nik Zatul-Iffah. M. N., & Ruhizan. M. Y. (2021). Literasi Kewangan: Kajian Kuantitatif Dalam Kalangan Murid B40 Terhadap Simpanan. *2nd International Conference on Education, Social Sciences and Engineering (ICESE 2021)*. eISBN:978-967-2476-15-3.
- Nurul Anis. N. M. S., Hallieyana. S., Wan Nadiah. W. M. N., & Marina. M. R. (2022). Faktor-faktor Muflis Dalam Kalangan Belia di Malaysia. *Rabbanica*. Vol. 3, No. 1 (Mei 2022). e-ISSN: 2756-7893/ISSN: 2773-5583
- Nurul Liyana. H., & Liyana. S. R. (2019). Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Di KUIM. *Journal of Business Innovation*. Volume 4. No. 1/2019. 102-110.

- Rusliza. Y., Noor Lela. A., Suzyanty. M. S., & Mohamad Ali. R.A. (2023). Hubungan Antara Literasi Kewangan, Pengaruh Ibu Bapa dan Kawalan Diri Dengan Sikap Menabung Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology And Councelling (IJEPC)*. Vol. 8. Issue: 51. PP. 278-288. EISSN: 0128-164X.
- Rozita. B., Nur Zafirah. M. N., & Juwairiah. H. (2022). Tahap Literasi Kewangan, Masalah Kewangan dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal 'Ulwan*. ISSN: 2504-8511. Jilid (Bil. 2) 2022: 13-190.
- Shafinar. I., Azreenabila., N. Mohd Halim. M., Rohaiza. K., Mohd Isham. A., Sumayyah. S., & Suzila. I. (2020). Determinants of Saving Behavior Among Private Sector Employee in Malaysia: An Empirical Investigation. *ResearchGate*.
<https://www.researchgate.net/publication/351816365>
- Sheeril. H. M. L., & Sheerad. S. (2021). Faktor-faktor Mempengaruhi Tahap Literasi Kewangan Masyarakat Kawasan Pedalaman. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (IcoMM 2021)*. e-ISSN: 2756-8938.
- Stephanie. L., Dewi. A., & Mariana. I. M. (2022). The Effect of Financial Literacy and Demographics on The Saving Behavior of The Millennial Generation. *International Journal of Financial and Investment Studies (IJFIS)*. Vol. 3, No.2. eISSN 2745-3950.
- Uma Thevi. M., Nor Aziyatul. I., Aeshah. M. A., Nur Ilyana. I. T., Nur Faradilla. H., & Nor Asiah. M. (2023). Saving Behavior Among The University Students in Malaysia. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/372298777>
- Yahaya, R., Ahmad, N. L., Shokory, S. M., & Ahmad, M. A. R. (2023). Hubungan Antara Literasi Kewangan, Pengaruh Ibu Bapa Dan Kawalan Diri Dengan Sikap Menabung Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(51), 278-288.
- Yasmin. H. A., & Anuar. A. (2017). Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/321049902>